

Bayaran mulai esok

BH - 6/11/2019 m/s: 15

Kelewatan disebabkan masalah teknikal babit prosedur

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya: Bantuan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang terlewat bagi bulan November akan dibayar esok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata bantuan itu sebenarnya sudah diluluskan tetapi mengalami masalah teknikal membabitkan prosedur hingga mengganggu pemindahan ke akaun penerima.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, bantuan itu akan mula dikreditkan ke dalam akaun penerima esok.

"Kita memohon maaf dengan kejadian ini dan masalah akan selesai sebelum 10 November ini.



Dr Wan Azizah diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof menerima cenderahati daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INCEIF, Datuk Azmi Omar (kiri) pada Majlis Perasmian Perbincangan Meja Bulat dan Kelas Induk Tentang Inklusi Halal Malaysia di Putrajaya, semalam.

(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

"Perkara ini akan ditambah baik bagi memastikan hal ini tidak berulang lagi," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perbincangan Meja Bulat dan Kelas Induk Tentang Inklusi Halal Anjuran Pusat Pengajian Kewangan Islam An-

tarabangsa (INCEIF) dan Bank Pembangunan Islam di sini.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia, Zulkifli Ismail memaklumkan seramai 484,828 penerima bantuan kebajikan Persekutuan akan mengalami kelewatan bayaran bantuan bagi bulan November 2019.